

# WTO: Dr M syor agenda konkrit

**BH 17 NOV 2000**  
**Daripada Azizi Othman dan Lichong Angkui**

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis – Malaysia mahu satu agenda konkrit ditetapkan terlebih dulu sebelum diadakan pusingan baru rundingan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) tahun depan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Selain itu, Perdana Menteri berkata, mesyuarat sampingan oleh negara maju seperti yang berlaku ketika rundingan WTO di Seattle tahun lalu juga tidak harus diadakan, jika pusingan baru mahu dibuat.

Menurutnya, penetapan agenda itu penting supaya perbincangan (pusingan baru) dapat diadakan de-



ngan lebih berfokus dan menentukan semua negara anggota WTO mendapat manfaat.

“Saya harap mereka adakan agenda, kalau sengaja tak adakan agenda susah nak adakan pusingan baru... nak bercakap apa.

“Kita juga menegaskan tidak harus ada mesyua-

rat sampingan dalam WTO... satu kumpulan adakan mesyuarat berasingan dan ini dijadikan sebahagian daripada keputusan WTO.

“Itu tidak sepatutnya berlaku sebab ia merugikan pihak yang tidak menyertai mesyuarat sampingan itu,” katanya pada si-

dang akhbar dengan wartawan Malaysia di sini, petang ini.

Perdana Menteri sebelum itu menghadiri mesyuarat tidak rasmi dan istirahat ketua ekonomi Apec di Kelab Polo Jerudong.

Mesyuarat dua hari berakhir hari ini, dihadiri 18

daripada 21 ketua negara Apec, termasuk Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton; Presiden Russia, Vladimir Putin dan Presiden China, Jiang Zemin.

Perdana Menteri, yang berada di sini diiringi isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, berlepas pulang ke Kuala Lumpur,

sejurus selepas sidang akhbar berkenaan.

Dr Mahathir sebelum itu diminta mengulas mengenai kenyataan bersama selepas mesyuarat tidak rasmi ketua negara Apec itu yang menyebut bahawa Apec bersetuju supaya pusingan baru rundingan WTO di-

mulakan tahun depan.

Menurut kenyataan itu, Apec ‘bersetuju satu agenda seimbang, menyeluruh dan memenuhi keperluan serta kebimbangan anggota WTO dirumus dan dimuktamadkan pada tahun 2001 bagi membolehkan pusingan baru dimulakan pada tahun 2001’.